

Tata Etika

- Pakai kasut tertutup yang selesa.
- Bersedia untuk cuaca basah.
- Anda perlu menggunakan kedua-dua tangan. Pengagihan makanan dilakukan dengan pantas. Oleh itu, dinasihatkan sukarelawan supaya bebas dari beg tangan / payung / telefon bimbit, dan lain-lain.
- Jika anda perlu makan atau minum, sila bawa makanan / minuman anda sendiri. Apa yang kita layankan hanyalah untuk penerima sahaja.
- Biasanya, berkhidmat dengan Dapur Mesra PERTIWI (PERTIWI Soup Kitchen) cukup selamat dan ada juga sukarelawan kita membawa bayi dan anak-anak muda mereka. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengawasi anak-anak mereka sendiri.
- Sikap: Warga yang kita khidmati adalah golongan yang terpinggir, janganlah datang untuk menghakimi mereka. Perkara yang terpenting, sukarelawan mesti sentiasa berkhidmat dengan senyuman kerana senyuman akan menjadi berkali ganda dan senyuman juga suatu bentuk kebajikan!
- Jurugambar: Seseorang penerima dan sukarelawan tidak suka gambar mereka diambil. Sila bersopan ketika hendak mengambil gambar. Ambil gambar dari belakang atau minta izin dahulu. Amalkan etika yang sama jika membuat rakaman video.
- Minta izin jika anda memerlukan bantuan atau ingin memahami lebih lanjut tentang golongan gelandangan dan miskin tegar yang kita khidmati.

Pengawasan Keselamatan

- Patuhi undang-undang tempatan pada setiap masa.
- Berendah diri dan elak dari menunjukkan kekayaan.
- Jaga barang-barang peribadi.
- Pejalan kaki seharusnya berjalan menghadap lalu lintas dan memerhatikan kenderaan yang lalu, terutamanya motosikal.
- Elakkan jalan-jalan yang tidak terang, jalan pintas, dan lorong-lorong yang sempit jika bersendirian.
- Jika boleh, berjalan dalam kumpulan.
- Maklumkan anggota lain jika anda perlu pergi jauh dari kenderaan dapur mesra (contohnya ke seberang jalan) atau mendekati seseorang di kali lima / sudut.
- Awasi peragut.
- Buat laporan tentang sebarang kejadian yang tidak diingini di balai polis yang berhampiran. Cuba ingat semua butir kejadian itu.

Serangan / Gangguan Biasa

Perkara yang perlu diingati:

- Berhati-hati dengan sensitiviti budaya. Komen yang tidak wajar boleh menjadi batu api kepada gangguan.
- Jangan ambil hati terhadap kenyataan yang menyakitkan hati.